

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KERANGKA PENGURUSAN
AKTIVITI KEUSAHAWANAN
INSTITUSI TAHFIZ SWASTA (ITS)
DI MALAYSIA**

MOHD AARIFFIN BIN MOHD TAHARIN

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Sarjana
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Februari 2023

ABSTRAK

Perkembangan Institusi Tahfiz Swasta (ITS) berlaku dengan pantas berikutan permintaan tinggi terhadap pendidikan agama berteraskan Quran pada masa kini. Pengurusan ITS bersifat mandiri dengan kebergantungan sepenuhnya kepada sumbangan dan yuran pelajar semata-mata. Ia dilihat tidak mencukupi seterusnya mendatangkan masalah kewangan yang serius. ITS semakin kreatif mengintegrasikan keusahawanan dalam sistem pendidikan ITS masing-masing sebagai solusi kepada masalah kewangan tersebut. Oleh itu, objektif kajian ini adalah (i) Membincangkan konsep pengurusan keusahawanan dari perspektif Islam, (ii) Menganalisa tahap kesesuaian aktiviti keusahawanan yang diamalkan oleh Institusi Tahfiz Swasta dan (iii) Membangunkan kerangka pengurusan aktiviti keusahawanan Institusi Tahfiz Swasta di Malaysia. Reka bentuk kajian bersifat kualitatif bermula analisis kandungan sorotan literatur, diikuti protokol temu bual berstruktur terhadap pengusaha ITS terpilih dan pakar keusahawanan secara bersemuka/atas talian, seterusnya data-data temu bual telah dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti 9. Dapatan kajian mendapati bahawa pengurusan keusahawanan berkaitan dengan pengurusan Islam berdasarkan elemen-elemen teras pengurusan Islam iaitu (i) Falsafah pengurusan Islam, (ii) Prinsip-prinsip pengurusan Islam, (iii) Kaedah fikah pengurusan Islam dan (iv) *Maqāṣid āl-sharī'ah*. Selain itu, integrasi keusahawanan dalam ITS mendedahkan tentang produk ITS, integrasi keusahawanan dalam pendidikan, penjelasan mengenai pembangunan ekonomi, cabaran yang dihadapi, sumber kewangan, keperluan integrasi, kawalan keseimbangan pelajaran dan strategi keusahawanan berkesan yang diamalkan ITS kajian. Hasilnya, terbentuklah sebuah kerangka pengurusan aktiviti keusahawanan Institusi Tahfiz Swasta (ITS) di Malaysia yang memberi gambaran dan gagasan idea yang signifikan bagi merealisasikan hasrat Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN), Dasar Komuniti Negara (DKN), Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) dan Revolusi Industri (IR 4.0)

PENGHARGAAN

Dengan nama Pencipta sekalian alam yang Maha Pengasih lagi Maha Pemberi rezeki. Setinggi rasa syukur dipanjatkan kepada Allah SWT yang Maha Esa di atas limpahan kasih sayang dan rahmatNya, selawat serta salam buat Baginda Rasulullah SAW tercinta, serta keluarga Baginda, para Sahabat Baginda, para pengikut-pengikut Sahabat dan seterusnya kepada Ulama pewaris Nabi. Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana mengurniakan kepada saya ilham yang baik dalam menyiapkan tesis Sarjana ini.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Teknologi MARA terutamanya Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) kerana sudi menerima saya menjadi salah seorang pelajar Sarjana Pengajian Islam Kontemporari bagi menyelesaikan kajian ini serta menjadikan saya salah seorang penyumbang dalam bidang pengkajian. Sekalung penghargaan kepada penyelia saya Dr. Norazmi Anas atas segala tunjuk ajar, bimbingan, khidmat nasihat, motivasi serta dorongan sepanjang menjalani proses menyiapkan tesis ini. Hanya Allah SWT yang mampu membalas jasa baik YBhg. Dr. Norazmi Anas atas segala yang dicurahkan kepada saya.

Ucapan terima kasih turut diberikan kepada YBrs. Dekan ACIS, Prof Madya Dr. Afandi Mat Rani, YBrs. mantan Dekan ACIS, Profesor Dr. Rahimi Osman, kepada mantan Timbalan Dekan Akademik ACIS, Prof. Madya Dr. Huzaimah Ismail, serta tidak lupa kepada Ketua Pusat Pengajian Pasca Siswazah ACIS, Prof Madya Dr. Rafeah Saidon, Dr Mohd Amzari Tumiran, Dr Mohd Faiz Mohamed Yusof dan Muhammad Syukri Mohd Amshir Wong atas segala komentar positif serta tunjuk ajar samada secara realiti mahupun alam maya. Terima kasih kepada ACIS *Postgraduate Society* (APS) terhadap penganjuran program dalam usaha meningkatkan kemahiran saya untuk menjadi seorang pengkaji.

Setinggi-tinggi terima kasih juga kepada ahli Geran *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) kerana kajian ini ditaja oleh Geran FRGS 2018-1, Kod Pengkajian: FRGS/1/2018/SSI03/UITM/03/1 bertajuk Model Tahfizpreneur Tadbir Urus Tahfiz Swasta di Malaysia. Tidak dilupakan sahabat seperjuangan Ahmad Muaz Ahmad Othman, Mohamad Ghazi Faris Abdul Mutalib dan Nur Farhanah Izzati Turiman serta semua warga ACIS UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah dan Kampus Seri Iskandar.

Terima kasih kepada kedua ibu bapa dan keluarga atas sokongan yang jitu kepada saya dalam menyempurnakan tesis ini. Penulisan ini juga saya dedikasikan kepada isteri saya yang sentiasa menyokong dan menyuntik kata-kata semangat tentang pentingnya ilmu dalam kehidupan.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
JADUAL TRANSLITERASI	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Perkembangan dan Matlamat Institusi Tahfiz di Malaysia	2
1.2.2 Sejarah Keusahawanan Sosial Islam	8
1.2.3 Isu-isu Berkenaan Institusi Tahfiz	10
1.3 Masalah Kajian	12
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Soalan Kajian	14
1.6 Definisi Operasional	15
1.6.1 Kerangka	15
1.6.2 Pengurusan	15
1.6.3 Keusahawanan	16
1.6.4 Institusi Tahfiz Swasta (ITS)	17
1.7 Skop dan Batasan Kajian	17
1.8 Signifikan Kajian	18
1.9 Organisasi Kajian	18
1.10 Kesimpulan	19

BAB 2 SOROTAN LITERATUR	20
2.1 Pengenalan	20
2.2 Sorotan Literatur	20
2.2.1 Pengurusan dan Pentadbiran Islam	21
2.2.2 Sumber Pengurusan Islam	25
2.2.3 Falsafah dan Matlamat Pengurusan Islam	31
2.2.4 Prinsip-Prinsip Pengurusan Islam	35
2.2.5 Kaedah Fikah dalam Pengurusan	50
2.2.6 Pengurusan Pendidikan	57
2.2.7 Pengurusan Keusahawanan	65
2.2.8 Sumber Wahyu Berkaitan Keusahawanan	75
2.3 Kerangka Konseptual Kajian	78
2.4 Kesimpulan	80
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	81
3.1 Pengenalan	81
3.2 Reka Bentuk Kajian	81
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	82
3.3.1 Temu bual	83
3.4 Kaedah Persampelan	84
3.5 Kaedah Analisis Data	90
3.6 Kesimpulan	92
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	93
4.1 Pengenalan	93
4.2 Analisis Demografi Informan Temu Bual	93
4.3 Objektif 1: Pengurusan Keusahawanan dari Perspektif Islam	96
4.4 Objektif 2: Analisis Aktiviti Keusahawanan ITS	100
4.5 Objektif 3: Kerangka Pengurusan Aktiviti Keusahawanan ITS	124
4.6 Kesimpulan	126
BAB 5 PERBINCANGAN	127
5.1 Pengenalan	127